

Kerajaan sudah ambil langkah naikkan gaji swasta

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan sudah mengambil pendekatan perlu untuk meningkatkan kadar upah pekerja swasta, seiring langkah menaikkan gaji penjawat awam menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Perdana Menteri menjelaskan, selain kenaikan gaji minimum RM1,700 yang dikuatkuasakan bermula 1 Februari lalu, dasar gaji progresif juga dilaksana bagi menyokong supaya syarikat swasta menaikkan kadar upah pekerjanya.

“Kita sedang mengambil langkah ini (naikkan gaji pekerja swasta) menerusi gaji minimum, gaji progresif. GLIC (syarikat pelaburan berkaitan kerajaan) juga sudah menetapkan (naikkan gaji mereka) serta syarikat swasta yang catat keuntungan besar juga diminta lebih adil kepada pekerja,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Awang Hashim

(PN-Pendang) semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah berjumpa dengan syarikat swasta, termasuk dalam sektor perladangan supaya mengambil pendekatan sedemikian, bagi mengimbangi kesan inflasi ketika ini.

“Saya sendiri berjumpa dengan syarikat, umpamanya perladangan yang mencatat keuntungan. (Ingatkan supaya mereka) haruslah lebih adil dan jangan catat keuntungan tinggi, tapi gaji tidak setimpal.

“Ada kesenjangan di antara kenaikan produktiviti lebih tinggi daripada kenaikan gaji. Inflasi walaupun rendah, kalau gaji tak naik inflasi itu akan mengesankan,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) memberi banyak faedah langsung kepada negara dan rakyat.

Anwar berkata, ini terbukti

melalui pencapaian makro ekonomi tahun lalu, antaranya kadar inflasi yang dicatat lebih rendah, iaitu 1.8 peratus sementara pertumbuhan pelaburan pula meningkat tinggi 12 peratus.

Tahun lalu beliau berkata, Bursa Malaysia juga menyaksikan peningkatan 12.9 peratus, rekod tertinggi dalam tempoh empat tahun.

“Prestasi inilah menyebabkan Amanah Saham Bumiputera (ASB) kita tertinggi dalam lima tahun. (Dividen) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 6.3 peratus, tertinggi sejak 2017.

“Jadi kalau soalnya, apakah angka-angka yang memukau ini beri faedah kepada rakyat? Jawabnya ya. Apakah harus ditambah lagi? Saya setuju.

“Umpamanya peluang pekerjaan. 120,000 orang pekerjaan baharu (diwujudkan), maknanya dengan kadar pengangguran 3.1 peratus pada Disember 2024,” katanya.